

R&D pelaburan capai 2020: PM

Oleh Mohd Shah Abdullah

PETALING JAYA, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kemampuan menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) bukan dianjurkan kepada bangsa tertentu saja malah kepada semua, asalkan mempunyai kesanggupan mencuba tanpa jemu.

Menurut Perdana Menteri, syarat bagi mencapai cita-cita itu ialah ketekunan untuk mencuba secara sistematik dan lambat laun penemuan baru yang lebih baik mungkin ditemui.

“Jika ini sudah menjadi budaya saintis dan penyelidik, apa juga bidang boleh dikaji dan dibangunkan dengan jayanya.

“Tidak ada misteri dalam bidang kajian. Sudah tentu kemampuan tidak dianjurkan kepada bangsa tertentu saja. Siapa saja boleh asalkan sanggup mencuba tanpa jemu,” katanya ketika merasmikan Pusat Teknologi Tayar Sime Darby (SDTTC), di sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Kumpulan Sime Darby (M) Sdn Bhd, Tun Ismail Ali dan Pengerusi Sumitomo Rubber Industries, S Katsurada. SDTTC ditubuhkan dengan bantuan teknikal Sumitomo Rubber Industries (SRI), sebuah syarikat tayar kelima terbesar di dunia.

Sime Darby dan SRI adalah syarikat tayar swasta yang pertama di negara ini mewujudkan kemudahan R&D dan menawarkan sokongan berbentuk teknikal lainnya.

Dr Mahathir berkata, pendekatan dan proses penyelidikan tidak banyak berbeza sama ada ia berbentuk kimia, fizikal atau elektronik walaupun ada pihak berpendapat penyelidikan dalam bidang pertanian lebih mudah.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyarankan sektor swasta supaya melabur dalam kegiatan R&D jika mahu menikmati hasilnya pada tahun 2020 dan selepasnya.

Menurutnya, tanpa pelaburan dalam R&D, syarikat tempatan tidak akan berupaya berdikari di masa hadapan dan terpaksa bergantung kepada teknologi asing sehingga mengurangkan kemampuan daya saing.

R&D capai pelaburan 2020: Mahathir

DARI MUKA 1

dukan utama pasaran. “Jika mereka mahu pembabitan bermakna dalam perdagangan antarabangsa, syarikat Malaysia harus mengukuhkan jenama supaya diiktiraf di seluruh dunia dan mempunyai reputasi cemerlang dari segi kualiti,” katanya.

Menurutnya, industri kereta Jepun seperti Honda, Toyota dan Nissan adalah contoh yang baik kerana ia pada asalnya bukan jenama terkenal dalam dunia automatif.

“Hasil kegigihan dalam bidang R&D dan peningkatan kualiti keluaran-

nya, jenama Jepun dalam industri automatif sudah diakui. Hari ini mereka tidak perlu sembunyi jenama mereka atau mengaitkannya dengan jenama Eropah atau Amerika yang lebih terkenal,” katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berharap usaha Sime Darby mewujudkan kemudahan R&D di bidang tayar itu akan memelopori usaha mengukuhkan jenama barangan syarikat itu di luar negara dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Beliau berkata, kemampuan saintis dan penyelidik tempatan semakin ter-

kenal walaupun ramai pengusaha kurang yakin dengan kebolehan mereka dalam mencipta atau meningkatkan teknologi barangan.

Menurutnya, antara kejayaan penyelidikan itu ialah dalam bidang pertanian termasuk klon getah yang dihasilkan mengeluarkan 10 kali ganda hasil susu getah manakala kelapa sawit mengeluarkan lebih banyak buah daripada pokok asal.

Perdana Menteri turut meminta penyelidik supaya memberi perhatian terhadap keperluan barangan bagi pengguna iklim tropika.

Dr Mahathir berkata, walaupun sektor swasta memainkan peranan proaktif dan menyokong rancangan perindustrian negara, hanya segelintir yang menunjukkan daya usaha dan memberi sambutan melabur dalam R&D.

“Pada pandangan saya, masalah ini kerana R&D jarang mendatangkan keuntungan dalam jangka masa pendek.

“Jika syarikat swasta di Malaysia hanya mempunyai wawasan jangka pendek yang terhad, bagaimana mereka boleh mimpikan kejayaan mencapai matlamat jangka panjang Wawasan 2020,” katanya.

Dr Mahathir berkata, syarikat tempatan perlu memajukan jenama barangan mereka sendiri dan memperkenalkannya di peringkat antarabangsa kerana jenama barangan yang kukuh dan terkenal menguasai premium serta kedu-

LIMAT MUKA 2